



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 Nov 2020 (Jumaat)

Berita Harian

1,000 kediaman terjejas, 120 keluarga dipindah	1
Mangsa banjir kilat terima sumbangan	2
Syor mansuh warta hutan masih diteliti	3
Lapan syarikat cemari LRA diambil tindakan sejak 2017	4

Utusan Malaysia

Mahu isu air Selangor selesai	5
-------------------------------	---

Harian Metro

Status hutan simpan kuala langat utara dalam proses siasatan awam	6
Status Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses siasatan awam	7
Seminggu nak bersih	8
8 syarikat punca air tercemar didakwa	9
8 syarikat punca air tercemar didakwa	10

Kosmo

Kilang berlesen punca air cemar	11
---------------------------------	----

Sinar Harian

MB Selangor nafi RM1 bilion hilang	12
------------------------------------	----

AlHijrah

Jaminan Bekalan Makanan Di Selangor FAMA Jalin Kerjasama Dengan PKPS	13
--	----

HOT FM

Status Penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara Masih Penyiasatan Awam	14
---	----

Selangor TV

Cemar Sungai, Lapan Syarikat Dikenakan Tindakan	15
GLC Selangor Sumbang RM195.9 Juta, Laksana Agenda Digitalisasi	16
Kerja Naik Taraf Muzium Kuala Selangor Siap 2022	17
MoU PKPS-FAMA, Tingkat Pengurusan Bekalan Makanan	18
Pemberdayaan Pekerja Perkasa Ekonomi Negeri	19
Rizab RM1 Bilion Tidak Hilang, Bangun Infrastruktur Untuk Rakyat	20
RM1.99 Bilion Hasil Berjaya Dikutip, Walau Berdepan Covid-19 – MB	21
Tangani Covid-19 Dengan Digitalisasi- MB	22
UNISEL Dijangka Selesai Hutang Pada Jun 2021	23

Sinar FM

8 Syarikat Terima Tindakan Undang-Undang Mencemar Loji Rawatan Air sejak Tiga Tahun Lalu	24
8 Syarikat Terima Tindakan Undang-Undang Mencemar Loji Rawatan Air sejak Tiga Tahun Lalu	25

The Star

Heated debate over unemployment	26
'Licensed factories main polluters'	27
No changes to public transport masterplan for now	28



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



The Sun

Licensed companies are the main polluters 29

BFM89.9

8 Companies Has Been Taken Legal Action Since 2017 30

8 Companies Has Been Taken Legal Action Since 2017 31

Traxx FM (90.3)

RM1 Bil Spend On Construction Of Important Project 32

Nanyang Siang Pau

Implementation of MCO, the number of unemployment people rose to 160,000, Selangor hits 4.6% unemployment rate in the second quarter 33

Hee Loy Sian: Reserved area within 50 meters, most of the river pollution culprits are legal factories 34

"Costume war" has come to an end, UMONO 3 MPs return to suit 35

Oriental Daily

Since 2017, 6 factories in Selangor have been dealt with due to polluted rivers 36

Kwong Wah Yit Poh

UMNO Selangor Legislative Assembly members violate rules by wearing Baju Melayu; Assembly speaker : Let people judge them for their conduct 37



KERATAN AKHBAR		
6 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	1,000 kediaman terjejas, 120 keluarga dipindah
Muka Surat	:	23

1,000 kediaman terjejas, 120 keluarga dipindah

Kajang: Kira-kira 1,000 kediaman di sekitar Sungai Langat, di sini, terjejas akibat kejadian banjir kilat membabitkan 10 kampung dan taman perumahan di kawasan itu, awal pagi kelmarin.

Daripada jumlah itu, sebanyak 120 keluarga dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Serai dan Kompleks Penghulu Batu 10 di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Edry Faizal Yusof, berkata kira-kira 60 keluarga dipindahkan ke PPS di SK Sungai Serai, manakala baki selebihnya ke PPS di Kompleks Penghulu Batu 10.

"Setakat ini, dua PPS itu sudah ditutup apabila banjir mulai surut sejak malam tadi (kelmarin) dan mereka yang dipindahkan sudah pulang ke kediaman masing-masing hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Edry Faizal berkata, pelbagai bantuan sudah disalurkan kepada penduduk yang terjejas, terutama bantuan makanan dan keperluan lain, manakala bantuan khas RM250 akan menyusul.

"Mangsa yang dipindahkan ke PPS akan diberi bantuan tambahan RM500 dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sedang menguruskan bancian dan permohonan untuk kedua-dua jenis bantuan khas itu.

"Kita minta mangsa yang terjejas dan belum mendaftar supaya bertemu wakil MPKK untuk mendaftar di kaunter pendaftaran di kawasan masing-masing atau berjumpa terus dengan ketua kampung," katanya.

Guru Besar SK Sungai Serai, Rohlaizatul Akmal Mohamad Samsi, berkata seramai 233 penduduk terjejas dalam bencana itu ditempatkan di 10 bilik darjah dan sebuah dewan di sekolah berkenaan.

"PPS di sekolah ini ditutup jam 12.30 tengah hari tadi (semalam)

berikutan semua penduduk yang dipindahkan sementara ke sini sudah pun pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Di Seremban, Masjid Kariah Kuala Sawah Rantau, mengalami kerugian kira-kira RM250,000 akibat banjir kilat terburuk yang melanda kawasan itu, awal pagi kelmarin.

Setiausaha Jawatankuasa masjid itu, Mokhtar Idris, berkata kerugian membabitkan pelbagai peralatan dan harta benda masjid yang rosak susulan banjir lumpur memenuhi kawasan masjid.

Selain permaidani dan sejadah, katanya, dua unit komputer, empat almari al-Quran dan kitab, sistem pendingin hawa, peralatan dapur dan peralatan lain di bilik mesyuarat serta pejabat pentadbiran masjid turut rosak.

"Ini banjir kilat terbesar dalam tempoh lebih 20 tahun selepas kejadian terakhir pada tahun 2000, namun tidak sebesar kali ini," katanya ketika ditemui di masjid itu, semalam.

Sementara itu, kejadian banjir besar beberapa lokasi sekitar daerah ini, bukan saja menjejaskan kira-kira 500 keluarga, malah turut memberi kesan kepada tanah perkuburan Islam.

Sekurang-kurangnya 20 kubur di Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid At-Taqwa Kampung Paroi di Jalan Seremban-Kuala Pilah, didapati mendap dan terhakis kerana hujan lebat.

Penggali kubur, Hazim Zakal, 31, berkata perkara itu disedari pagi kelmarin sebaik memulakan tugas, kira-kira jam 8.30 pagi bagi memantau perkembangan tanah perkuburan itu susulan hujan lebat dan banjir yang melanda.

"Sebaik tiba di kawasan perkuburan, saya dapati banyak kubur mendap dan terhakis.

"Saya kemudian memaklumkan perkara itu kepada Badan Khairat Masjid At-Taqwa Kampung Paroi untuk tindakan selanjutnya," katanya, semalam.



Penduduk membersihkan kelengkapan rumah yang ditenggelami air dalam kejadian banjir kilat di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat.
 (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Mangsa banjir kilat terima sumbangan
Muka Surat	:	23



Zulkifli (tengah) bersama penerima pada majlis penyerahan sumbangan kepada mangsa banjir di Masjid Kuala Sawah, Rantau, semalam. (Foto Bernama)

Mangsa banjir kilat terima sumbangan

Pelbagai pihak tampil hulur bantuan ringan beban penduduk terjejas

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mohd Amin Jalil
 bhnews@bh.com.my

Seremban: Selepas bencana banjir kilat pulih sejak semalam, pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa.

Antara bantuan yang disalurkan, termasuk barangan makanan dan keperluan, wang tunai serta tempat perlindungan kepada mangsa bencana yang memerlukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata kerajaan akan mempertimbang bantuan kepada masjid dan surau di Negeri Sembilan dan beberapa tempat lain yang terjejas akibat banjir kilat yang melanda beberapa daerah, kelmarin.

Bagaimanapun, beliau berkata peruntukan itu tertakluk kepada dana sedia ada kerajaan pada masa kini.

"Secara khususnya, memang tiada peruntukan, tetapi kita cuba ikhtiar mengikut suasana, lebih-lebih lagi belanjawan juga belum diumumkan dan kita akan dahulukan perkara penting.

"Kita akan buat secara kolaborasi, termasuk bersama kera-

jaan negeri dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Kita akan cuba cari jalan kerana masjid menjadi keutamaan saya dan penting untuk jemaah bersolat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir di Masjid Kuala Sawah, Rantau di sini, petang semalam.

Sumbangan wang tunai RM40,000 berserta barangan keperluan itu diberikan kepada 200 penduduk yang terjejas menerusi peruntukan YAPEIM dan Yayasan Taqwa.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Mohd Zaidi Ramli.

Dalam pada itu, kerajaan negeri dan Menteri Besar Incorporated (MBI) semalam, menyalurkan bantuan RM500 kepada 1,000 isi rumah yang terjejas akibat kejadian banjir kilat yang berlaku di beberapa lokasi di Seremban, Port Dickson dan Rembau.

Pada sidang media di sini, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata sumbangan diserahkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Ampangan, Rahang, Mambau dan penyelaras DUN Rantau, Kota dan Linggi untuk disampaikan kepada semua mangsa yang terabit secepat mungkin.

"Kerajaan negeri amat bersimpati dengan apa yang berlaku dan mendoakan agar mereka (mangsa banjir) sabar dan tabah," katanya.

Dianggarkan lebih 500 rumah terjejas dalam kejadian banjir ki-

lat yang di beberapa kawasan di daerah Seremban, Rembau dan Port Dickson Selasa lalu.

Sementara itu, di **Kuala Lumpur**, kerajaan akan memastikan semua mangsa yang terjejas akibat kejadian banjir di beberapa kawasan seluruh negara menerima bantuan sewajarnya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun, berkata sumbangan antara lain bertujuan meringankan beban mangsa selepas sebahagiannya terpaksa ditempatkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) berikutan kediaman dinaiki air.

"Pihak kementerian akan memastikan semua mangsa banjir tidak kira di kawasan mana sekalipun menerima bantuan sewajarnya," katanya katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Rina sempat turun padang tengah hari semalam bagi menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Dengkil.

Keperluan asas seperti khemah, tikar, bantal, selimut, toto dan makanan sudah disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meringankan beban mereka yang terjejas.

Sebanyak tiga PPS dibuka di kawasan Dengkil iaitu di Dewan Orang Ramai Dengkil, Dewan Orang Ramai Taman Gemilang dan Sekolah Rendah Agama Dengkil.

Kelmarin, hujan lebat berterusan menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Kajang dan Hulu Langat dinaiki air dengan sebahagian besar penduduk terpaksa dipindahkan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Syor mansuh warta hutan masih diteliti
Muka Surat	:	24

Syor mansuh warta hutan masih diteliti

Shah Alam: Kerajaan Selangor mengesahkan status penyah-wartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih dalam proses penyiasatan awam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian, berkata laporan penyiasatan awam itu sedang disiapkan Jabatan Perhutanan negeri.

Katanya, siasatan itu mengambil kira pandangan semua pihak termasuk Orang Asli di kawasan terbabit.

“Cadangan memansuhkan pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih dalam proses penyiasatan awam selepas Jabatan Perhutanan negeri menerima bantahan dalam tempoh 30 hari mulai 5 Februari hingga 7 Mac lalu.

“Satu sesi pendengaran awam diadakan pada 28 dan 29 September lalu bagi memberi peluang kepada kerajaan negeri mendengar dan mengumpul pandangan serta bantahan secara lisan mengenai cadangan pemansuhan pewartaan itu,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Lapan syarikat cemari LRA diambil tindakan sejak 2017
Muka Surat	:	28

Lapan syarikat cemari LRA diambil tindakan sejak 2017

Shah Alam: Lapan syarikat sudah dikenakan diambil tindakan undang-undang kerana terabit mencemarkan Loji Rawatan Air (LRA) di Selangor sejak 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian, berkata tindakan berkenaan di ambil kerajaan negeri menerusi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

"Empat daripada syarikat berkenaan didakwa kerana mencemarkan LRA Sungai Semenyih, manakala empat lagi mencemarkan LRA Sungai Selangor.

"Syarikat berkenaan didakwa mengikut beberapa seksyen iaitu Seksyen 79 dan Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999 serta Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata sedemikian menjawab pertanyaan Dr Idris Ahmad (PH-Ijok) mengenai inisiatif yang diambil kerajaan negeri untuk mengkaji teknologi terkini dalam pencegahan awal masalah pencemaran air di Selangor.

Loy Sian berkata, mengikut data yang kerajaan negeri, pencemaran yang berlaku pada sumber air negeri bukan berpunca daripada kilang haram, sebaliknya sering dilakukan oleh syarikat atau kilang yang berlesen.

"Selain itu, pencemaran sungai yang membabitkan henti tugas LRA sukar diambil tindakan undang-undang kerana kebanyakan kes pencemaran, terutama pencemaran bau tidak ditemui berlaku dan membabitkan kegiatan vandalisme seperti membuang bahan terlarang ke lurang kumbahan.

 **Empat daripada syarikat berkenaan didakwa kerana mencemarkan LRA Sungai Semenyih, manakala empat lagi mencemarkan LRA Sungai Selangor.**

Hee Loy Sian,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mahu isu air Selangor selesai
Muka Surat	:	19

Mahu isu air Selangor selesai

SAUDARA PENGARANG,

NAMPAKNYA isu bekalan air di Selangor dilihat tiada kesudahan, apatah lagi dengan sikap 'kepala batu' Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari yang dilihat tidak mempunyai pelan masa panjang dalam membendung masalah itu.

Ini kerana telah beberapa kali Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menulis surat kepada Menteri Besar berhubung perkara itu, namun tidak memberi kesan sebaliknya masalah air terus berlaku sehingga menyebabkan rakyat naik muak.

Kedegilan Amirudin untuk menerima pandangan dan pendapat menyebabkan rakyat tertekan, lebih-lebih lagi masalah gangguan air kerap berlaku dan dalam tempoh yang panjang sedangkan penggunaan air amat penting dalam kehidupan harian.

Masalah gangguan air di Selangor

bukanlah perkara baharu, malah berlanjutan sejak berpuluh tahun dahulu dengan pelbagai alasan serta janji untuk menyelesaikan perkara itu.

Menteri Besar Selangor juga sudah beberapa kali bertukar, namun krisis air masih tetap berlaku, bahkan semakin kerap berlaku.

Sekiranya masalah ini tidak segera dibendung, rakyat tidak teragak-agak mahukan muka baharu bagi mengisi jawatan Menteri Besar Selangor, sekali gus menyelesaikan masalah ini.

Justeru, Amirudin perlu menerima pelbagai pandangan dan membuat pilihan terbaik supaya penduduk Selangor tidak lagi terkesan dengan gangguan air, sekali gus memberi kehidupan yang lebih baik.

KHALID
Selangor



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Status hutan simpan kuala langat utara dalam proses siasatan awam
Muka Surat	:	12

Status Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses siasatan awam

Shah Alam: Status terkini Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang dicadangkan untuk dimansuhkan pewartaannya masih melalui proses penyiasatan awam, kata **Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian.**

Beliau berkata laporan penyiasatan awam itu juga disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan mengambil kira pandangan semua pihak

termasuk Orang Asli di kawasan terbabit dan rakyat tempatan.

“Cadangan memansuhkan pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses penyiasatan awam yang bantahan secara bertulis sudah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama 30 hari bermula 5 Februari hingga 7 Mac lalu.

“Seterusnya, satu sesi ‘dialog awam’ sudah diadakan pada 28 dan 29 September lalu bagi beri peluang ke-

pada kerajaan negeri mendengar dan mengumpulkan pandangan serta bantahan secara lisan mengenai cadangan pemansuhan pewartaan berkenaan,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Lau Weng San (PH-Banting)** yang bertanya mengenai status dan perkembangan terkini cadangan memansuhkan pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Status Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses siasatan awam
Muka Surat	:	12

Status Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses siasatan awam

Shah Alam: Status terkini Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang dicadangkan untuk dimansuhkan pewartaannya masih melalui proses penyiasatan awam, kata **Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian.**

Beliau berkata laporan penyiasatan awam itu juga disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan mengambil kira pandangan semua pihak

termasuk Orang Asli di kawasan terbabit dan rakyat tempatan.

“Cadangan memansuhkan pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam proses penyiasatan awam yang bantahan secara bertulis sudah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama 30 hari bermula 5 Februari hingga 7 Mac lalu.

“Seterusnya, satu sesi ‘dialog awam’ sudah diadakan pada 28 dan 29 September lalu bagi beri peluang ke-

pada kerajaan negeri mendengar dan mengumpul pandangan serta bantahan secara lisan mengenai cadangan pemansuhan pewartaan berkenaan,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Lau Weng San (PH-Banting)** yang bertanya mengenai status dan perkembangan terkini cadangan memansuhkan pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
6 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Seminggu nak bersih
Muka Surat	:	23

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
 nurul.hidayah@hmetro.com.my

Hulu Langat

“M elihat keadaan rumah berlumpur dan banyak barang rosak perlu dialihkan, saya rasa mungkin mengambil masa lebih seminggu untuk mengemas rumah sepenuhnya.

Begitu kata suri rumah Norshila Zulkamal, 50, apabila rumahnya ditenggelami air setinggi lebih satu meter dalam kejadian banjir di Kampung Sungai Serai di sini, kelmarin.

Norshila berkata, dia hanya sempat menyelamatkan dokumen penting kerana air naik mendadak ke dalam rumahnya yang terletak kira-kira dua kilometer dari Sungai Langat.

“Air mula kelihatan sejak jam 6 pagi (kelmarin) sebelum naik secara mendadak bermula jam 10 pagi. Paras air semakin tinggi menyebabkan kami sekeluarga terpaksa meredah air pada paras pinggang untuk ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Kampung Sungai Serai.

“Banyak barang termasuk barangan elektrik, perabot dan kenderaan rosak kerana ditenggelami air. Saya tidak menyangka air naik tinggi sehingga mencecah lebih satu meter.

“Kali terakhir banjir seteruk ini pada 2012 apabila air naik hingga ke paras bumbung rumah ketika itu,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Katanya, dia sekeluarga sudah lali dengan kejadian banjir di kawasan berkenaan yang melanda antara dua hingga tiga kali setahun.

“Berdasarkan pengamatan saya sepanjang tinggal di kampung ini sejak kecil, kawasan ini pasti dilanda banjir setiap kali hujan lebat lebih dua jam.

“Kejadian (banjir) semalam adalah kali ketiga berlaku tahun ini dengan kali terakhir pada Hari Raya

BANJIR DI HULU LANGAT

Seminggu nak bersih!



DUA keadaan Masjid Al-Ehsan ketika tenggelam sepenuhnya dan selepas air surut, semalam.

Aidilfitri iaitu dua hari berturut-turut,” katanya.

Pemilik kedai makan di Kampung Sungai Serai, Afiq Azmi, 32, berkata, dia hanya sempat berniaga beberapa jam sebelum premis itu ditenggelami air sehingga paras dada.

“Saya membuka kedai pada jam 6.30 pagi, semalam (kelmarin) dan menyedari air mula naik di jalan

utama, namun meneruskan perniagaan seperti biasa kerana tidak menyangka air akan naik lebih tinggi.

“Sehingga jam 9.30 pagi, saya masih berniaga seperti biasa dengan keadaan air di bawah paras lutut sebelum terpaksa menutup kedai pada 10 pagi apabila paras air semakin meningkat,” katanya.

Katanya, banyak barang di kedainya seperti pinggan mangkuk serta kerusi dan meja ditenggelami air selain ada di antara barang mentah untuk jualan turut

dihanyutkan air.

“Sudah tiada tempat untuk saya meletakkan barang berkenaan memandangkan air naik dengan begitu cepat.

“Sejujurnya, saya tidak menyangka air naik tinggi seperti semalam menyebabkan barang yang diletakkan di tempat tinggi juga rosak,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Mas-

jid Al-Ehsan Kampung Sungai Serai Ab Samad @ Sam Ab Aziz, 60, berkata, lebih 30 individu terdiri daripada ahli jawatankuasa (AJK) masjid, penduduk kampung serta sukarelawan membantu membersihkan masjid berkenaan, malam kelmarin.

“Kerja-kerja pembersihan dilakukan sebaik saja air surut sepenuhnya kira-kira 8 malam tadi (kelmarin).

“Ada banyak barang yang rosak seperti perabot, karpet, dokumen dan lain-lain memandangkan masjid ini tenggelam sepenuhnya,” katanya.

Harian Metro semalam melaporkan lebih 400 rumah di 10 kampung di daerah Hulu Langat dilanda banjir akibat hujan lebat awal pagi kelmarin.

Ia memabitkan Kampung Batu 16, Kampung Sungai Serai, Kampung Kuala Perdik, Kampung Batu 14, Kampung Batu 18, Kampung Batu 20 Sungai Lui, Kampung Batu 17, Kampung Dusun Nanding, Kampung Batu 13 dan Kampung Lubuk Kelubi.



SEORANG penduduk membawa keluar sebahagian barangan yang rosak susulan banjir kilat dari awal pagi kelmarin di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat.

“**Barangan elektrik, perabot dan kenderaan rosak kerana ditenggelami air**”
 Norshila



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	8 syarikat punca air tercemar didakwa
Muka Surat	:	25

8 syarikat punca air tercemar didakwa

Shah Alam: Sebanyak lapan syarikat diambil tindakan undang-undang selepas didapati menjadi punca mencemarkan Loji Rawatan Air (LRA) di Selangor sejak 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, tindakan berkenaan diambil kerajaan negeri menerusi Lembaga Urus Air Se-

langor (Luas) dan Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor.

“Empat daripada syarikat berkenaan didakwa kerana mencemarkan LRA Sungai Semenyih manakala empat lagi mencemarkan LRA Sungai Selangor.

“Syarikat berkenaan didakwa mengikut beberapa seksyen iaitu Seksyen 79 dan Seksyen 121 Enakmen Luas 1999 serta Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	8 syarikat punca air tercemar didakwa
Muka Surat	:	25

8 syarikat punca air tercemar didakwa

Shah Alam: Sebanyak lapan syarikat diambil tindakan undang-undang selepas didapati menjadi punca mencemarkan Loji Rawatan Air (LRA) di Selangor sejak 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, tindakan berkenaan diambil kerajaan negeri menerusi Lembaga Urus Air Se-

langor (Luas) dan Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor.

“Empat daripada syarikat berkenaan didakwa kerana mencemarkan LRA Sungai Semenyih manakala empat lagi mencemarkan LRA Sungai Selangor.

“Syarikat berkenaan didakwa mengikut beberapa seksyen iaitu Seksyen 79 dan Seksyen 121 Enakmen Luas 1999 serta Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,” katanya.



KERATAN AKHBAR 6 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang berlesen punca air cemar
Muka Surat	:	16

Kilang berlesen punca air cemar

SHAH ALAM – Pencemaran sungai yang berlaku di negeri ini sehingga mengakibatkan gangguan bekalan air berpunca daripada kilang yang berlesen dan bukannya kilang haram.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, tanggapan orang ramai bahawa kilang haram punca pencemaran berlaku adalah salah.

Katanya, ini kerana pihak berkuasa tempatan telah mengarahkan kilang-kilang haram berkenaan ditutup sebelum pencemaran itu berlaku.

“Dalam tempoh tiga tahun bermula 2017 hingga kini, lapan syarikat yang terlibat dengan pencemaran sungai telah dikenakan tindakan undang-undang.

“Empat syarikat telah dihadapkan ke mahkamah kerana terlibat dalam pencemaran Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih, manakala selebihnya melibatkan LRA Sungai Selangor dan lain-lain,” katanya ketika men-



LAPAN kilang berlesen dikesan menjadi punca pencemaran air di Selangor sejak tiga tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

jawab pertanyaan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Air Tawar, Rizam Ismail pada sidang Dewan Undangan Negeri Selangor semalam.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar sentiasa mengawal dan memeriksa kilang sedia ada termasuk membuat kawalan

dan rondaan setiap hari dalam tempoh 24 jam di lembangan sungai.

Loy Sian turut memaklumkan Lembaga Urus Air Selangor mempunyai senarai lengkap jumlah kilang haram yang terlibat dalam pemutihan, namun dia enggan mendedahkannya.



KERATAN AKHBAR
6 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MB Selangor nafi RM1 bilion hilang
Muka Surat	:	31

MB Selangor nafi RM1 bilion hilang



Amirudin (dua dari kanan) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara PKPS dan FAMA secara maya di Bilik Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) di Shah Alam semalam.

Wang itu disalurkan untuk pelaksanaan beberapa projek infrastruktur

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menafikan dakwaan bahawa Selangor kehilangan rizab bernilai lebih RM1 bilion selepas tahun 2014.

Amirudin berkata, wang itu tidak hilang, sebaliknya ia digunakan dalam peruntukan kerajaan negeri bagi melaksanakan beberapa projek infrastruktur.

Menurutnya, sebelum ini pihaknya terpaksa melakukan penjajaran semula beberapa program berikutan penggunaan wang berkenaan dilihat tidak mampan bagi pelaksanaan inisiatif seperti Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) dan lain-lain.

“Banyak yang kita laksanakan (menggunakan wang itu) tertumpu kepada pembangunan infrastruktur. Antaranya seperti pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang yang me-

nelan belanja RM700 juta.

